

INFO AKADEMIK

2022/2023



#WeLoveUPM

FAKULTI PERTANIAN
FACULTY OF AGRICULTURE



1.0 KONSEP PENGECUALIAN DAN PEMINDAHAN KREDIT

Pengecualian Kursus merujuk kepada sesuatu kursus dikecualikan ke atas pelajar di sepanjang tempoh pengajian. Namun demikian, jam kredit ke atas kursus yang dikecualikan perlu digantikan.

Contoh:

Situasi di mana pelajar terlibat dengan pengecualian kursus:-

- (a) Pelajar lepasan Asasi Pertanian (ASPER) adalah diberi pengecualian kursus PRT2008 Pertanian dan Manusia (2 kr)* tetapi bukan sebagai pemindahan kredit mulai ambilan pelajar sesi 2017/2018. Oleh demikian, pelajar perlu menggantikan kredit kursus berkenaan dengan kursus lain bagi melengkapi jumlah jam bergraduat.

- Kelulusan Minit SENAT UPM Ke-639 pada 12 Oktober 2017

NOTA : *Kursus PRT2008 Pertanian dan Manusia (2 Kr) telah dikemaskini dan kod kursus baharu adalah PRT2009 Pertanian dan Kehidupan 2(1+1).

Pemindahan Kredit bermaksud sesuatu kursus yang setara atau sama dikecualikan pendaftaran tetapi kredit dan/atau gred diambil kira sebagai memenuhi keperluan kredit program pengajian.

Pindaan kredit terbahagi kepada dua (2) iaitu:-

- (a) Pindah Kredit secara menegak (Vertical): Diploma ke Bacelor

Pindahan ini melibatkan pelajar lepasan Diploma ke Bacelor. Berlakunya Pindah Kredit (Jam) sahaja, manakala Gred tidak dipindahkan.

Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. (Contohnya: PRT2008/9, kursus Kokurikulum, SKP2101, SKP3112 atau SKP3122).

- (b) Pindah Kredit secara mendatar (Horizontal): Bacelor ke Bacelor

Pindahan ini melibatkan pelajar yang bertukar program contohnya dari program Bacelor Sains Pertanian dengan Kepujian ke program Bacelor Teknologi Pertanian Pintar dengan Kepujian. Pindah kredit akan melibatkan pindaan kredit (jam) dan Gred.

Perkara ini juga berlaku ke atas pelajar yang menyertai program mobiliti selama satu (1) semester di luar negara. Sebarang pemindahan kredit akan melibatkan pindaan kredit (jam) dan Gred.

Kredit akan dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Mata Nilai Gred (PNG) dan Purata Himpunan Mata Nilai (PNGK).

Pemindahan kredit secara mendatar (horizontal) tertakluk kepada maksimum 50% daripada kredit bergraduat bagi pemindahan yang melibatkan program antara universiti. Bagi pertukaran program dalam Universiti pada peringkat pengajian yang sama, Dekan yang menerima pelajar akan menentukan jumlah jam kredit yang boleh dipindahkan.

2.0 SYARAT PENGECAULIAN KURSUS DAN PEMINDAHAN KREDIT

Fakulti Pertanian telah menetapkan pengecaulian kursus dan pemindahan kredit adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

- (a) Kursus yang diguna sebagai asas pemindahan kredit mestilah tidak melebihi 5 tahun (pada tarikh permohonan) dari tarikh bergraduat;
- (b) Gred minimum kelulusan Kursus Teras bagi Fakulti Pertanian adalah:-
 - (i) **Gred 'B+'** bagi pemohon daripada Diploma, Matrikulasi, Asasi Sains Pertanian; dan
 - (ii) **Gred 'C'** bagi pemohon daripada STPM.
- (c) Gred minimum kelulusan Kursus Universiti adalah '**C**' **dan ke atas**;
- (d) Tiada pengecaulian kursus dibenarkan ke atas Kursus Elektif;
- (e) Pemindahan kredit bagi lepasan Diploma adalah terhad kepada pelajar daripada Diploma, Universiti Putra Malaysia-Kampus Bintulu sahaja;
- (f) Pelajar aktif fakulti yang menyertai mana-mana program mobiliti satu (1) semester perlu memastikan proses pemindahan kredit dilaksanakan **dengan mencapai gred minimum adalah 'C' dan ke atas**. **Pelajar yang** gagal mencapai gred yang telah ditetapkan adalah perlu mengulangi kursus yang sama di UPM atau mana-mana kursus yang setara bagi kursus elektif luar fakulti.

Walau bagaimanapun, Fakulti Pertanian boleh membatalkan atau mengubah keputusan ke atas mana-mana pengecaulian kursus dan pemindahan kredit sekiranya kursus yang dipelajari sebelum ini didapati TI DAK SETARA dengan keperluan bergraduat program di bawah fakulti ini.

Pelajar adalah dikehendaki untuk mengambil semula kursus berkenaan sekiranya pengecaulian kursus dan pemindahan kredit adalah tidak diluluskan.

3.0 TATACARA MELAKSANAKAN PERMOHONAN PENGECAULIAN KURSUS / PEMINDAHAN KREDIT DALAM SISTEM MAKLUMAT PELAJAR

- (a) Rujuk SENARAI PEMINDAHAN KREDIT
- (b) Permohonan adalah melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di alamat url <http://www.smp.upm.edu.my>

Klik pada **MENU >> MYBORANG >> PERMOHONAN BARU**

- (c) Perkara Akademik Prasiswazah (Pindaan) 2016. Perkara 10 (3)
Semua permohonan pemindahan kredit perlu diselesaikan dalam tempoh dua (2) minggu. Bagi kohort sesi Akademik 2022/2023, sebarang pemindahan perlu diselesaikan pada **selewat-lewatnya pada 20 Oktober 2022 (Khamis)**.
- (d) Perkara Akademik Prasiswazah (Pindaan) 2016. Perkara 10 (4)
Pemindahan kredit itu diasaskan kepada kursus demi kursus pengajian yang telah lulus dan tidak sebagai keseluruhan bagi sesuatu Program Pengajian. Pemindahan kredit sesuatu kursus pengajian **dibenarkan hanya sekali sahaja bagi sepanjang Program Pengajiannya.**

Pemindahan sekali ini hanya berlaku semasa **Semester Pertama** sahaja.

- (e) Sertakan salinan keputusan ke atas kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit. Salinan keputusan perlu dimuatnaik ke dalam sistem maklumat pelajar (SMP) dalam bentuk pdf.
- (f) Bagi pengecualian melalui Pengalaman Kerja, surat pengesahan majikan perlu disertakan sebagai dokumen sokongan.

Nota : Setiap permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan peraturan sedia ada dari semasa ke semasa.

4.0 TATACARA MELAKSANAKAN PINDAAN KREDIT BAGI KURSUS KATEGORI MASSIVE OPEN ONLINE COURSES [MOOCs]

“Massive Open Online Courses” atau lebih dikenali dengan singkatan MOOCs merupakan kursus di dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui internet. Dengan adanya MOOCs ianya secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada sistem pendidikan tinggi Malaysia kerana berjaya mempertingkatkan kualiti pengajaran, mengantarabangsakan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Terdapat tiga (3) kategori kursus yang ditawarkan oleh Malaysia MOOCs iaitu kursus umum, kursus tujuan (niche) dan kursus pembelajaran sepanjang hayat. Setakat ini, kursus Malaysia MOOCs adalah diiktiraf di Universiti Putra Malaysia sebagai kursus yang boleh dianugerahkan pemindahan kredit. Berikut adalah antara perkara yang perlu disediakan bagi tujuan permohonan pemindahan kredit:-

- (a) Pelajar aktif (berdaftar) di UPM.
- (b) Senarai kursus-kursus MOOC yang dipohon untuk tujuan pemindahan kredit. Sijil MOOC tidak melebihi tempoh sah laku lima (5) tahun. Sila lampirkan salinan sijil tamat kursus MOOC yang telah disahkan.
- (c) Jenis sijil tamat MOOC:
 - (i) Sijil kompetensi/pencapaian (certificate of competency/achievement) kursus MOOC;
 - (ii) Sijil Tamat (Certificate of Completion) kursus MOOC.
- (d) Surat akuan bahawa sijil tamat kursus MOOC diperolehi tidak pernah digunakan bagi permohonan pindah kredit di UPM.
- (e) Portfolio yang mengandungi maklumat seperti sinopsis kursus, hasil pembelajaran kursus (CLO), topik dan tempoh pembelajaran, berkaitan kursus MOOC yang telah diikuti.

5.0 SENARAI PENGECUALIAN KURSUS DAN PEMINDAHAN KREDIT



BACHELOR SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---------|---|------|-------------|---|-----------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma | ASPER | STPM | Matrikulasi | Pengalaman Kerja | Gred Minimun |
| | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2. | Kod Kursus : AGR3001 Nama Kursus : Amalan Ladang – Tanaman Makanan Jam Kredit : 1(0+1) | Diploma | ASPER | STPM | Matrikulasi | Pengalaman Kerja | Gred Minimun |
| | | X | X | X | X | pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | Tidak berkaitan |
| 3. | Kod Kursus : AGR3002 Nama Kursus : Amalan Ladang : Tanaman Perladangan Jam Kredit : 1(0+1) | Diploma | ASPER | STPM | Matrikulasi | Pengalaman Kerja | Gred Minimun |
| | | X | X | X | X | pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | Tidak berkaitan |



BACELOR SAINS HORTIKULTUR DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|



BACELOR SAINS PERNIAGANTANI DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|



BACELOR SAINS AKUAKULTUR DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|



BACELOR SAINS HAIWAN DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|



BACELOR SAINS PENGURUSAN PERLADANGAN DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|



BACELOR TEKNOLOGI PERTANIAN PINTAR DENGAN KEPUJIAN

| | | | | | | | |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Kod Kursus : PRT2009 Nama Kursus : Pertanian dan Kehidupan Jam Kredit : 2(1+1) | Diploma PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | ASPER PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | STPM X | Matrikulasi X | Pengalaman Kerja X | Gred Minimun C |
|----|--|---|--|---------------|----------------------|---------------------------|-----------------------|

Catatan: Pelajar perlu memohon terus dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) bagi mendapatkan kelulusan pemindahan kredit. Sebarang permohonan melalui emel adalah tidak sah dan tidak akan dilayan. Sila pastikan setiap permohonan pemindahan kredit mempunyai dokumen sokongan dalam format PDF dan telah mendapatkan sokongan Penasihat Akademik (Pengesahan dokumen adalah benar).

6.0 KURSUS LUAR FAKULTI PERTANIAN

Pelajar baharu juga boleh memohon pindaan kredit ke atas kursus-kursus di luar Fakulti Pertanian seperti berikut:-

Fakulti Ekologi dan Manusia (FEM)

- SKP2101 Kenegaraan Malaysia;
- SKP3112 Falsafah dan Isu Semasa;
- SKP3122 Penghayatan Etika dan Peradaban;

dan mana-mana kursus-kursus Ko-Kurikulum di bawah Universiti Putra Malaysia.

Walau bagaimanapun, kelulusan pemindahan kredit ke atas kursus luar fakulti adalah di bawah punca kuasa fakulti yang menawarkan kursus berkenaan. Pelajar yang gagal mendapat pemindahan kredit perlu mendaftar kursus berkenaan.



FAKULTI PERTANIAN FACULTY OF AGRICULTURE

